

Oleh SHARKAWI LONDING, MOHD. IZUAN ROSELI dan WAN NOR ZURAIHAH WAN ALI Jurufoto: RAJA JAAFAR ALI dan NUR AISYAH MAZALAN

Kosmo
26/10/16
ms 2

Hospital Sultanah Aminah kelam-kabut, wad Unit Rawatan Rapi terbakar

Mayat pesakit rentung atas katil

JOHOR BAHRU – Enam pesakit yang dirawat di wad Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Sultanah Aminah (HSA) di sini mati rentung atas katil masing-masing apabila wad yang terletak di tingkat dua bangunan hospital itu terbakar semalam.

Dalam kejadian pada pukul 9 pagi itu, tiga mangsa yang cedera melibatkan dua daripada lapan jururawat yang bertugas di wad tersebut dan seorang pelatih fisioterapi.

Pesakit-pesakit yang terkorban ialah K. Logeswaran, 20, Choo Lin Fong, 37, Toh Ah Wah, 60, Yusof Hassan, 53, M. Kaliama, 23, dan C. Neeramaladevi, 24. Dua jururawat yang cedera dikenali sebagai Nurul Ain dan Suhaili manakala pelatih fisioterapi yang dikenali sebagai Shafiqah turut cedera.

Kebakaran yang memusnahkan wad ICU di hospital berusia 134 tahun itu amat mencekam apabila ratusan pesakit, jururawat, doktor, petugas pentadbiran dan tukang cuci berpusu-pusu menuruni tangga meninggalkan bangunan tersebut.



ANGGOTA bomba memadam api yang memusnahkan wad ICU Hospital Sultanah Aminah di Johor Bahru semalam.



nyelamatkan pesakit-pesakit namun hanya seorang pesakit mampu dibawa keluar dari wad itu," kata beliau pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurut beliau, setakat petang semalam, seramai enam pesakit yang dirawat di ICU disahkan meninggal dunia akibat kebakaran dan hanya seorang pesakit lelaki sempat disel-

amatkan manakala tiga kakitangan hospital mengalami kecederaan ringan.

"Sewaktu kebakaran, bangunan induk lima tingkat di bahagian selatan HSA itu mempunyai 294 pesakit dan 193 kakitangan," kata beliau.

Katanya, sebaik berlaku kebakaran, kakitangan hospital bertungkus-lumus mengosongkan wad di hospital itu dan mereka dikumpulkan di kawasan lapang.



SEBAHAGIAN daripada enam mayat mangsa yang mati terbakar di wad ICU Hospital Sultanah Aminah di Johor Bahru semalam.

INFO

HSA dan bangunan induk tempat wad ICU terbakar

- Mempunyai 26 blok
- Jumlah kakitangan 4,000 termasuk doktor
- Mempunyai 1,206 katil

Bangunan induk

Aras 1 - Dewan Bedah, Wad Kardiorasik, Jabatan Kardiorasik dan Bilik Seminar CICU

Aras 2 - Wad Bedah Wanita, Wad Urologi Wanita dan Wad ICU

Aras 3 - Wad Antenatal Kelas 2 dan 3, Wad Bersalin Kelas 2 dan 3

Aras 4 - Wad Neuro Lelaki, Wad Penjagaan Paliatif dan Wad Kenamaan

Aras 5 - Wad Bedah Kanak-Kanak dan Wad Urologi Lelaki

Aras 6 - Unit Kualiti

INFO

Pasukan Penyelamat

Pasukan Bomba dan Penyelamat	- 43
Polis	- 101
Pegawai dan anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia	- 33
Lain-lain	- 5

Jumlah keseluruhan
182 orang


Ada antara pesakit terpaksa diselamatkan bersama-sama katil manakala wanita yang baru bersalin berlari sambil mendukung bayi. Ahli keluarga menangis dan berlari-lari mencari pesakit-pesakit yang dirawat di hospital itu.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Asisten Komisioner Sulaiman Salleh (**gambar kecil**) berkata, ketika kebakaran, wad ICU yang terletak di bangunan induk lima tingkat itu menempatkan tujuh pesakit dan lapan staf.

“Jururawat yang menyedari berlaku kebakaran di satu sudut wad bergegas cuba me-

INFO

Wad ICU Tingkat 2 Hospital Sultanah Aminah terbakar



INFO

Enam Pesakit Maut di HSA

Nama pesakit	Sebab masuk hospital
1 - Toh Ah Wah, 60	Kegagalan buah pinggang
2 - Yusof Hassan, 53	Pendarahan otak akibat terjatuh
3 - C. Neermaladevi, 24	Sesak nafas
4 - K. Logeswaran, 20	Kemalangan jalan raya
5 - M. Kaliama, 23	Sawan
6 - Choo Lin Fong, 37	Kegagalan buah pinggang

Litar pintas punca wad ICU terbakar

JOHORBAHRU – Kebakaran di wad Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Sultanah Aminah (HSA) di sini semalam didakwa berpunca daripada litar pintas yang berlaku di bilik rawatan di wad berkenaan.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Kebompaan dan Penyelamat Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri, Mohd. Rizal Buang berkata, kebakaran itu hanya berlaku di tingkat dua dan cuma membabitkan wad ICU.

“Mengikut maklumat daripada staf HSA yang bertugas, dia ternampak asap tebal keluar dari bilik rawatan wad ICU berkenaan.

“Bagaimanapun, pasukan penyiasat kebakaran sedang melakukan siasatan lanjut

bagi mengetahui punca sebenar kebakaran dan ia akan mengambil sedikit masa,” kata beliau ketika ditemui di sini semalam.

Ketika ditanya mengenai spekulasi punca kebakaran yang didakwa akibat pengecas telefon bimbit di wad berkenaan meletup, Mohd. Rizal memberitahu, pihaknya akan menyiasat secara menyeluruh punca kebakaran berkenaan termasuk meneliti spekulasi tersebut.

Menurut beliau, bomba menerima panggilan kecemasan pada pukul 8.56 pagi dan menghantar tujuh buah jentera bersama 43 pegawai dan anggota dari empat balai. Balai-balai itu ialah Balai Bomba dan Penyelamat Johor Bahru, Is-

kandar Puteri, Tebrau dan Johor Jaya.

“Bomba tiba di HSA pada pukul 9.05 pagi dan kebakaran dapat dipadam sejam kemudian iaitu pada pukul 10.05 pagi,” jelasnya.

Selepas api padam, tambah beliau, pihaknya mengeluarkan pesakit ICU yang selamat. Pesakit yang dikenali sebagai Suppamah melecur 80 peratus bahagian badan.

Selepas itu, bomba menemui enam mayat pesakit yang terperangkap dalam wad berkenaan.

“Semua pesakit yang mati ditemui rentung di atas katil masing-masing dan mereka ini tidak mampu bergerak dan menggunakan bantuan pernafasan,” kata beliau.